

14/06/2002

Resolusi konvensyen diserahkan kepada PM

MELAKA, Khamis - Resolusi Konvensyen Islam 2002 peringkat kebangsaan yang bermula di sini, esok akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk diteliti sebelum dijadikan garis panduan dan rujukan oleh majlis serta jabatan agama Islam negeri bagi memantapkan perpaduan ummah.

Resolusi konvensyen dua hari itu akan diserahkan kepada Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman.

Pengerusi konvensyen, Hasnoor Sidang Husin, berkata konvensyen yang bertujuan membincangkan permasalahan semasa umat Islam, khususnya di negara ini, akan menghasilkan resolusi bernas untuk memantapkan perpaduan ummah.

"Kerajaan negeri mengambil inisiatif menganjurkan konvensyen ini berikutan ada tanda-tanda umat Islam negara semakin berpecah akibat perbezaan pendapat, terutama isu agama.

"Kita yakin konvensyen ini akan menghasilkan resolusi bernas dan boleh diterima pakai kerana ia dibentangkan pakar dan cendekiawan Islam," katanya hari ini.

(END)